



**MALAIKAT,
IBLIS &
ROH-ROH
JAHAT**

Siri Asas Kepercayaan Kristian

Malaikat, Iblis dan Roh-Roh Jahat

Siri Asas Kepercayaan Kristian

Siri ini mempunyai 18 tajuk yang membincangkan beberapa asas kepercayaan (doktrin) Kristian. Jaroslav Pelikan, seorang ahli sejarah gereja mendefinisikan doktrin Kristian seperti berikut: “Doktrin Kristian adalah apa yang dipercayai dan diajarkan oleh gereja.” Jadi, apa yang kita akan perhatikan adalah kepercayaan-kepercayaan asas tentang kebenaran di dalam ajaran Kristian.

Buku kecil ini disusun sedemikian rupa untuk kegunaan peribadi atau dalam kelompok kecil. Jangan hairan kalau ramai orang Kristian, terutama generasi muda, yang tidak memahami beberapa asas kepercayaan Kristian, sehingga iman mereka mudah diganggu-gugat dan dipesongkan oleh pihak-pihak tertentu.

Semoga buku-buku dalam siri ini akan membantu anda, anak anda serta jemaat gereja anda untuk bertumbuh dalam pemahaman tentang asas-asas kepercayaan Kristian.

Cetakan Pertama: Mei 2015

Dicetak di Malaysia

Petikan Alkitab diambil dari Alkitab Bahasa Malaysia (Berita Baik) dan Alkitab Terjemahan Baru Indonesia.

Hak Cipta © 2015 Wawasan Penabur Sdn Bhd

Malaikat, Iblis dan Roh-Roh Jahat

⁷Tiba-tiba malaikat Tuhan berdiri di situ dan cahaya bersinar di dalam bilik penjara itu. Malaikat itu menggoyang-goyang Petrus dan membangunkan dia, lalu berkata, "Cepat bangun!" Pada saat itu juga jatuhlah rantai dari tangan Petrus. ⁸Malaikat itu berkata lagi, "Ikat tali pinggangmu dan pakailah kasut." Petrus pun berbuat demikian. Kemudian malaikat itu berkata pula, "Pakailah jubahmu dan ikutlah aku." ⁹Petrus mengikut malaikat itu keluar dari penjara. Tetapi Petrus tidak tahu sama ada perbuatan malaikat itu benar-benar berlaku atau tidak.

Petrus menyangka semua itu hanya suatu penglihatan. ¹⁰Mereka melalui tempat penjagaan yang pertama, kemudian yang kedua dan akhirnya tiba di pintu besi yang menuju ke bandar. Pintu itu terbuka dengan sendirinya, lalu mereka keluar. Mereka berjalan melalui suatu lorong, lalu tiba-tiba malaikat itu meninggalkan Petrus. ¹¹Barulah Petrus menyedari apa yang sudah berlaku kepada dirinya. Dia berkata, "Sekarang aku tahu bahawa semuanya benar-benar berlaku. Tuhan telah mengirimi malaikat-Nya untuk melepaskan aku daripada kuasa Raja Herodes dan daripada segala sesuatu yang akan dilakukan orang Yahudi kepadaku."

(Kisah Rasul-Rasul 12:7-11)

Kedua-dua Perjanjian Lama dan Baru memberi maklumat tentang malaikat, Syaitan/Iblis dan roh-roh jahat. Jadi Kristian awal mengembangkan pemahaman mereka tentang makhluk-makhluk spiritual ini dari Kitab Suci. Ada pula yang terdorong rasa ingin tahu tentang makhluk ini, sehingga mereka juga membuat spekulasi tentang sifat, atribut, kuasa, identiti dan fungsi mereka.

A. Malaikat Adalah Utusan Allah

1. Malaikat disebut lebih daripada 100 kali di Perjanjian Lama dan 175 kali di Perjanjian Baru. Ia disebutkan dalam 34 kitab dari Kejadian – Wahyu. Yesus sendiri banyak kali menyebut tentang mereka.
2. Malaikat berasal dari perkataan Ibrani *malakh* (dalam bahasa Yunani, *angelos*) yang bererti “utusan”. Ia mungkin merujuk kepada utusan manusia (1 Raja-Raja 19:2) atau utusan yang ilahi (Kejadian 28:12). Sebagai utusan ilahi, malaikat adalah satu makhluk syurgawi yang diperintah oleh Allah untuk membawa mesej yang menyatakan kebesaran, kekuasaan dan kebaikan Allah (2 Tesalonika 1:7).
3. Di beberapa bahagian dalam Perjanjian Lama, panggilan “malaikat TUHAN” diungkapkan seperti merujuk kepada Allah, tetapi ia tidak pernah *disamakan dengan Allah*. Terdapat perbezaan yang ketara tentang malaikat dan Allah.

4. Alkitab menjelaskan bahawa malaikat selalu memandang wajah Allah dan sentiasa berdiri di hadirat-Nya (Matius 18:10). Mereka menyembah Allah secara berterusan (Wahyu 5:11-12; Yesaya 6:3). Mereka juga senang dalam pekerjaan dan kasih kurnia-Nya: “Percayalah, malaikat Allah juga bersukacita apabila seorang berdosa bertaubat” (Lukas 15:10).

B. Sifat-Sifat Malaikat

1. Malaikat adalah makhluk-makhluk yang diciptakan (Mazmur 148:5). Mereka diciptakan oleh Tuhan Yesus Kristus: “Hal itu demikian kerana melalui Dialah [Yesus] Allah menciptakan segala sesuatu di syurga dan di atas bumi, segala sesuatu yang kelihatan dan yang tidak kelihatan, termasuk juga roh-roh yang berkuasa dan yang memerintah. Allah menciptakan alam semesta melalui Kristus dan untuk Kristus” (Kolose 1:16).
2. Tidak ada waktu yang dijelaskan tentang penciptaan malaikat, namun mereka hadir ketika dunia diciptakan (Ayub 38:7). Ini bererti bahawa para malaikat diciptakan sebelum penciptaan dunia dan manusia. Ada 2 ciri keadaan mereka diciptakan:
 - a) Kudus (baik – Kejadian 1:31) - malaikat-malaikat yang baik disebut kudus (Markus 8:38), berbeza dengan malaikat-malaikat yang jahat yang memberontak pada Allah (1 Timotius 5:21; Mazmur 25:41).

- b) Bersifat makhluk (bukan pencipta), namun berbeza dengan manusia (1 Korintus 6:3; Ibrani 1:14). Kekuasaan, pengetahuan, kegiatan mereka terbatas (1 Petrus 1:11-12; Wahyu 7:1). Mereka tunduk pada pengadilan (1 Korintus 6:3; Matius 25:41).

3. Sifat-sifat para malaikat.

- a) Bersifat peribadi - mempunyai kecerdasan (Matius 8:29; 2 Korintus 11:3; 1 Petrus 1:12), perasaan (Lukas 2:13; Yakobus 2:19; Wahyu 12:17) dan kemahuan (Lukas 8:28-31; 2 Timotius 2:26; Yudas 6).
- b) Tidak mahatahu seperti Allah (Matius 24:36), namun melebihi manusia kerana tiga sebab: mereka dicipta melebihi manusia (Ibrani 2:7), mempelajari firman Tuhan lebih cepat daripada manusia (Yakobus 2:19; Wahyu 12:12) dan mendapat pengetahuan melalui pengamatan yang lama terhadap kegiatan-kegiatan manusia.
- c) Malaikat adalah makhluk rohani yang bersifat roh (pneumata), tidak seperti manusia yang mempunyai kedua-dua jasad dan roh. Alkitab tidak pernah mengatakan 'malaikat dicipta menurut gambaran Allah' seperti mana yang dinyatakan tentang manusia. Malaikat berbeza daripada manusia dan mereka tidak "menerima penyelamatan". Malaikat adalah makhluk tidak berjasad, dan tidak bertubuh

seperti kita: “Bukankah mereka semua adalah roh-roh yang melayani, yang diutus untuk melayani mereka yang harus memperoleh keselamatan?” (Ibrani 1:14).

Ada kalanya, mereka menjelma dalam bentuk makhluk yang berjasad, seperti dua malaikat yang datang kepada Lot di Sodom (Kejadian 19:1), dan kadang-kala mereka menampakkan diri, seperti dalam kebangkitan Yesus (Yohanes 20:12). Bagaimanapun, penampakan itu adalah suatu pengecualian, bukan suatu kemestian.

- d) Mereka adalah makhluk yang bersifat abadi. Mereka tidak akan mati (Lukas 20:36) tetapi malaikat yang jahat akan dihukum di tempat terpisah oleh Allah (Matius 25:41; Lukas 8:31). Mereka tidak berketurunan atau berkembang-biak (Matius 22:30). Mereka tidak terikat dengan umur, dan kita akan menjadi seperti mereka apabila berada di syurga: “Sebab mereka tidak dapat mati lagi; mereka sama seperti malaikat-malaikat dan mereka adalah anak-anak Allah, kerana mereka telah dibangkitkan.” (Lukas 20:36).
- e) Taraf mereka lebih tinggi daripada manusia di dalam urutan penciptaan. Allah menjadikan taraf manusia lebih rendah berbanding malaikat (Mazmur 8:5). Walau bagaimanapun, apabila manusia diselamatkan dan menjadi sebahagian daripada ciptaan baru yang

telah dijanjikan oleh Allah, kita akan mempunyai kedudukan yang lebih tinggi daripada malaikat. Pada masa itu, manusia akan berkuasa ke atas malaikat: “Tidak tahukah kamu, bahawa kita akan menghakimi malaikat-malaikat?” (1 Korintus 6:3).

- f) Malaikat adalah makhluk yang kuat dan perkasa (Mazmur 103:20). Dalam masa satu malam, satu malaikat dapat membunuh 185,000 askar Asyur (Yesaya 37:36). Walaupun begitu, kuasa malaikat bukan milik mereka, tetapi ia datang sepenuhnya dari Allah.

C. Kegiatan Malaikat

1. Para malaikat berhubung dengan orang percaya secara peribadi. Contoh-contoh berikut menyatakan kepada kita bagaimana para malaikat melindungi, menjaga dan membebaskan hamba-hamba Allah apabila bantuan mereka diperlukan:
 - a) Mereka melindungi Daniel kerana ketaatannya kepada Allah. Daniel berkata kepada Raja Darius yang terkejut kerana mendapati dia masih hidup di dalam gua singa, “Allah telah mengirimi malaikat-Nya untuk menutup mulut singa-singa itu sehingga hamba tidak diapa-apakan” (Daniel 6:23).
 - b) Elia yang sedang bersedih dan kelaparan dibantu oleh seorang malaikat. Dia memberikan

makanan serta memberi semangat kepada Elia: “Tiba-tiba malaikat menyentuh dia dan berkata, ‘Bangunlah, dan makanlah!’” (1 Raja-Raja 19:5).

- c) Petrus telah dilepaskan dari penjara sebanyak dua kali oleh malaikat (Kisah Rasul-Rasul 5:19; 12:8-11).
 - d) Filipus telah dipimpin oleh malaikat kepada seorang orang tidak percaya dalam perjalanannya ke Etiopia (Kisah Rasul-Rasul 8:26). Pada masa kini, malaikat-malaikat mungkin juga akan memimpin orang Kristian kepada orang yang belum percaya, atau memimpin orang-orang belum percaya untuk datang kepada seorang Kristian seperti Kornelius untuk “memanggil seorang yang bernama Simon Petrus.”
 - e) Paulus juga dihiburkan oleh seorang malaikat pada waktu malam ketika kapal mereka dihentam badai (Kisah Rasul-Rasul 27:23).
 - f) Malaikat menguatkan Yesus ketika Dia bergumul dengan doa di taman Getsemani (Lukas 22:43).
 - g) Lukas 16 menceritakan tentang seorang pengemis yang mati dan “diangkat oleh malaikat” ke syurga untuk bersama dengan Allah. Aktiviti ini dapat menenangkan kita ketika berhadapan dengan kematian orang tersayang.
2. Malaikat-malaikat mengambil berat tentang gereja dan ativiti-aktivitinya. Ketika Paulus memberi pesan-an kepada Timotius tentang pelayanannya: “Di hadapan Allah, Kristus Yesus, dan malaikat-malaikat yang suci, aku mengarahkan engkau mentaati perintah-perintah ini tanpa prasangka terhadap

sesiapa pun dan tidak berat sebelah” (1 Tim 5:21).

3. Malaikat-malaikat akan mengiringi Kristus apabila Dia datang dalam awan kemuliaan. “Apabila Anak Manusia datang dalam kemuliaan-Nya dan semua malaikat bersama-sama dengan Dia, maka Ia akan bersemayam di atas takhta kemuliaan-Nya.” (Matius 25:31).
4. Alkitab tidak menyebut secara pasti bilangan malaikat yang ada, tetapi apa yang pasti ialah jumlah mereka memang banyak. Ketika Daniel menerima penglihatan tentang Allah, dia berkata, “...seribu kali beribu-ribu melayani Dia, dan selaksa kali berlaksa-laksa berdiri di hadapan-Nya.” (Daniel 7:10). Yohanes menulis tentang penglihatannya: “Lalu aku melihat lagi. Aku mendengar suara malaikat yang beribu-ribu dan berjuta-juta bilangannya” (Wahyu 5:11).
5. Malaikat-malaikat bukan pengantara di antara manusia dan Allah. Oleh yang demikian kita tidak seharusnya menyembah mereka. Malaikat-malaikat adalah utusan Allah, tetapi ini bukan bermaksud Allah tidak boleh berhubung secara langsung dengan manusia. Kita dapat datang kepada Allah melalui Yesus Kristus. “Kerana hanya ada satu Allah dan hanya ada satu yang dapat memimpin manusia kepada Allah, iaitu Kristus Yesus yang datang ke bumi sebagai manusia. Dia telah menyerahkan diri-Nya untuk menyelamatkan nyawa manusia daripada dosa” (1 Timotius 2:5-6).

D. Nama-Nama Malaikat

1. **Mikhael** (Bahasa Inggeris Michael, yang bererti, “*siapakah yang seperti Allah?*”) adalah seorang ‘penghulu malikat’ (Yudas 1:9) yang dianggap sebagai malaikat pelindung orang Israel dan sebagai “salah satu pemimpin terkemuka” (Daniel 10:13, 21). Ramai yang percaya bahawa Mikhael adalah malaikat yang berbicara kepada Musa ketika Musa berada di Gunung Sinai yang juga dikenali sebagai Gunung Horeb (Keluaran 3:2). Penampilannya ada disebut beberapa kali di dalam Alkitab:

- a) Penampilan Mikhael yang pertama adalah ketika dia berhadapan dengan Iblis untuk merebut jenazah Musa (Yudas 9). Penampilan Mikhael yang pertama mempunyai kaitan erat dengan kejadian besar dalam sejarah Alkitab, iaitu proses masuknya orang Israel ke tanah Kanaan. Sejurus selepas Mikhael mengambil tubuh Musa, orang Israelpun mulai memasuki tanah Kanaan dengan menyeberangi sungai Yordan.
- b) Penampilan Mikhael yang kedua dicatat dalam Daniel pasal 10 hingga 12. Dalam bahagian ini, Mikhael muncul untuk membantu tugas Gabriel menyampaikan pesan Allah kepada Daniel. Sama seperti sewaktu orang Israel hendak memasuki Kanaan, dan Iblis mau merosak rancangan Allah dengan menguasai

mayat Musa, kali ini Iblis menahan Gabriel selama 21 hari sehingga pesan yang dibawa untuk Daniel tertunda (Daniel 10:12-13). Di sinilah Mikhael mengulangi peranannya menentang Iblis, yang dialegorikan sebagai “pemimpin kerajaan Persia”. Dalam Daniel 12:1 Mikhael dikukuhkan sebagai malaikat yang mendapat tugas khusus dari Allah untuk membela kepentingan-kepentingan orang Israel.

- c) Penampilan Mikhael yang ketiga adalah dalam Wahyu 12:7. Dia mengetuai bala tentera syurga dalam peperangan melawan Syaitan. Mikhael dan malaikat-malaikatnya menang oleh “darah Anak Domba” dan “kesaksian” (Wahyu 12:11; 19:10).
- d) Penampilan Mikhael yang keempat adalah waktu kedatangan Tuhan Yesus Kristus yang kedua kali dalam 1 Tesalonika 4:16. Hal ini masih menjadi tafsiran eskatologi. Seandainya gelaran “penghulu malaikat” itu hanya untuk Mikhael, maka malaikat dalam 1 Tesalonika 4:16 itu adalah Mikhael. Tetapi jika masih ada penghulu malaikat yang lain, maka malaikat dalam 1 Tesalonika 4:16 itu mungkin bukan Mikhael.

2. **Gabriel** bererti “Pahlawan Allah” atau “Allah itu Perkasa”. Walaupun tidak pernah diberi predikat “penghulu malaikat”, tetapi ramai orang percaya

bahawa Gabriel adalah salah satu “penghulu malaikat” di Syurga. Penampilan Gabriel amat istimewa. Tiga kali penampilannya dalam Alkitab, dia berpenampilan sebagai manusia dan menemui orang-orang tertentu sambil membawa pesan khusus dari Allah. Bukan hanya sekadar menyampaikan pesan Allah, tetapi dia juga berdialog dengan orang-orang yang ditemuinya, memberi penjelasan, mengajari penerima pesan supaya mereka mengerti akan perintah Allah itu.

- a) Penampilan pertama Gabriel ialah ketika dia menemui Daniel. Dia muncul di hadapan Daniel sebanyak tiga kali dengan selang waktu yang cukup lama, iaitu pada masa pemerintahan Raja Belsyazar, Darius, dan Kores (Daniel pasal 8,9 & 10). Gabriel datang berdialog dengan Daniel dan memberi penjelasan makna penglihatan Daniel tentang domba jantan dan kambing jantan (Daniel 8:16) dan mengisytiharkan nubuat tujuh puluh minggu kepadanya (Daniel 9:21-27). Dia bahkan mengungkapkan beberapa hal penting yang akan terjadi pada akhir zaman. Dari pengungkapan Gabriel inilah kita menemukan penjelasan awal tentang Mikhael, dan sekilas gambaran tentang dunia roh atau dunia malaikat.
- b) Penampilan Gabriel yang kedua adalah kepada Zakharia untuk memberitahukan tentang kelahiran Yohanes pembaptis. Di dalam dialog antara Gabriel dan Zakharia, Gabriel dengan

wibawa ilahi menjatuhkan hukuman kepada Zakharia sehingga dia menjadi bisu sampai kebenaran berita yang dibawanya dari Allah menjadi kenyataan (Lukas 1:20). Dari dialog inilah kita tahu apakah pangkat Gabriel (Lukas 1:19).

- c) Penampilan Gabriel yang ketiga adalah untuk memberitahu kelahiran Yesus Kristus kepada Maria. Kemungkinan besar malaikat yang menemui Yusuf beberapa kali itu juga adalah Gabriel, mengingat betapa pentingnya berita itu. Dalam pertemuan dan dialog dengan Maria, Gabriel memberi gambaran tentang Yesus dan kuasa ilahi yang akan menjadikan semua pesan itu terlaksana. Jelas sekali bahawa Gabriel ini bukanlah utusan biasa (lihat 1 Petrus 1:12).

Hanya kerubim dan seraphim sahaja yang dikatakan oleh Alkitab sebagai malaikat bersayap. Tidak ada maklumat yang terperinci tentang mereka. Allah menempatkan kerub di pintu masuk sebelah timur Taman Eden bersama pedang berapi untuk menjaga pohon kehidupan (Kejadian 3:24). Dalam penglihatan Yehezkiel (Yehezkiel 1:5; 10:1ff), kerub dipanggil “mahluk menyerupai manusia.” Setiap kerub mempunyai empat muka yang berlainan – muka manusia, singa, lembu dan helang. Setiap mahluk mempunyai empat sayap: dua daripada sayap tersebut terbentang ke atas dan dua sayap lain terlipat ke bawah untuk menutupi badannya.

Serafim hanya disebut dalam penglihatan Yesaya akan rumah TUHAN. Mereka mempunyai enam sayap dan boleh terbang (Yesaya 6:2,6). Makhluk-makhluk ini sebenarnya berbentuk seperti manusia kecuali bersayap dan mereka dikaitkan dengan kerub untuk menjaga takhta Allah. Ada kemungkinan kerubim dan serafim mempunyai sedikit kaitan dengan makhluk hidup yang menyerupai manusia di Syurga (Wahyu 4 – 5).

E. Syaitan dan Roh-Roh Jahat

Allah mencipta malaikat dengan sempurna. Mereka pada asalnya adalah suci. Tetapi mereka juga mempunyai kebebasan untuk membuat pilihan serta terdedah kepada cubaan dan dosa. Bagaimana dosa boleh masuk ke dalam makhluk ciptaan yang sempurna adalah suatu misteri, tetapi begitulah hakikatnya. Ular “licik” yang mencubai manusia di Taman Eden digunakan oleh Syaitan untuk menggoda makhluk ciptaan Allah agar menentang-Nya.

Nama Syaitan berasal dari perkataan Ibrani *ha'Satan* yang bermaksud “sang penentang” atau “sesat/jauh”. Iblis adalah perkataan Arab untuk Syaitan yang digunakan dalam terjemahan Bahasa Indonesia dan Malaysia. Syaitan adalah lawan dan musuh kepada Allah serta umat-Nya.

Iblis mempunyai banyak nama. Namanya yang lain menurut Alkitab mengesahkan realiti dan personalitinya. Dia adalah penggoda (1 Tesalonika 3:5). Dia adalah si

jahat yang merampas benih baik tentang perkhabaran Allah yang telah ditabur di dalam hati manusia (Matius 13:19). Dia adalah musuh kita (1 Petrus 5:8). Yesus memanggilnya bapa pendusta dan pembunuh (Yohanes 8:44). Dia adalah penipu besar (Wahyu 12:9).

Belial (2 Korintus 6:15) dan Beelzebul (Matius 12:24) mempunyai nama terbitan yang tidak jelas tetapi ia digunakan sebagai sinonim untuk Iblis. Perkataan-perkataan ini bererti orang yang jahat.

Sebagai seorang Kristian, apakah pandangan kita terhadap Iblis? Kita tidak boleh mengalahkan roh-roh jahat dengan kekuatan kita sendiri. Pengikut-pengikut Yesus juga menghadapi kegagalan apabila berdepan dengan roh-roh jahat. Yesus berkata, "Tiada cara lain yang dapat mengusir roh jahat semacam ini, kecuali dengan doa" (Markus 9:29). Secara umumnya, roh-roh jahat diusir keluar dengan nama Kristus (Kisah Rasul-Rasul 16:18). Walaupun Iblis dan roh-roh jahat memiliki kuasa yang hebat, kita tidak harus berasa takut selagi kita mempunyai hubungan yang rapat dengan Tuhan Yesus. Roh Kudus yang ada di dalam kita memastikan keselamatan kita (1 Yohanes 4:4).

Alkitab menampilkan beberapa kebenaran dan implikasi tentang Iblis dan roh-roh jahat:

1. Syaitan mempunyai kuasa yang terhad terhadap orang percaya. Iblis tidak dapat mencubai Ayub tanpa izin Allah (Ayub 1:9-12; 2:4-6). Roh-roh jahat juga meminta izin daripada Kristus untuk masuk ke dalam babi (Markus 5:12). Iblis tidak

- berkuasa sepenuhnya.
2. Roh jahat tidak maha tahu. Jika ia tahu segalanya, ia akan tahu bahawa rancangan untuk memusnahkan Ayub adalah sia-sia dan ia sudah tentu tahu bahawa tiada gunanya ia mencubai Yesus di padang gurun.
 3. Iblis telah ditawan oleh Kristus. Yohanes menulis, “Justeru untuk hal inilah Anak Allah datang bagi memusnahkan pekerjaan Iblis” (1 Yohanes 3:8).
 4. Iblis telah dihakimi: “Kemudian Iblis yang telah menipu mereka itu dibuang ke dalam lautan api dan belerang. Di situlah tempat binatang itu dan nabi palsu itu telah dibuang dahulu. Mereka semua akan disiksa siang dan malam untuk selama-lamanya” (Wahyu 20:10).

F. Pertahanan Seorang Kristian Melawan Iblis

Tuhan Yesus Kristus telah mengalahkan Iblis di kayu salib; oleh itu umat Kristian boleh menuntut janji pertolongan Allah apabila mereka melawannya (Yakobus 4:7). Tetapi pertahanan kita harus teguh dalam iman (1 Petrus 5:9).

“Oleh itu, taatlah kepada Allah. Lawanlah Iblis, maka Iblis akan lari daripada kamu.” (Yak 4:7)

“Teguhkanlah iman dan lawanlah Iblis, kerana kamu tahu bahawa saudara-saudara sesama Kristian lainnya di seluruh dunia, juga mengalami penderitaan yang sama.”
(1 Pet 5:9)

Cara terbaik untuk mempertahankan diri daripada tipu muslihat Iblis adalah sentiasa melengkapkan diri kita dengan doa dan memakai seluruh perlengkapan senjata daripada Allah (Efesus 6:10-17).

¹⁰ Akhirnya, hendaklah kamu kuat di dalam Tuhan, di dalam kekuatan kuasa-Nya. ¹¹ Kenakanlah seluruh perlengkapan senjata Allah, supaya kamu dapat bertahan melawan tipu muslihat Iblis; ¹² karena perjuangan kita bukanlah melawan darah dan daging, tetapi melawan pemerintah-pemerintah, melawan penguasa-penguasa, melawan penghulu-penghulu dunia yang gelap ini, melawan roh-roh jahat di udara. ¹³ Sebab itu ambillah seluruh perlengkapan senjata Allah, supaya kamu dapat mengadakan perlawanan pada hari yang jahat itu dan tetap berdiri, sesudah kamu menyelesaikan segala sesuatu. ¹⁴ Jadi berdirilah tegap, berikatpinggangan kebenaran dan berbajuzirahkan keadilan, ¹⁵ kakimu berkasutkan kerelaan untuk memberitakan Injil damai sejahtera; ¹⁶ dalam segala keadaan pergunakanlah perisai iman, sebab dengan perisai itu kamu akan dapat memadamkan semua panah api dari si jahat, ¹⁷ dan terimalah ketopong keselamatan dan pedang Roh, yaitu firman Allah.

(Ef 6:10-17)

Kita juga boleh mempertahankan diri daripada Iblis dengan beberapa cara lain.

- Kita boleh mengelak daripada melihat Iblis sebagai punca kepada setiap perkara tidak baik yang berlaku dengan menyelidiki tanggungjawab serta pilihan tindakan kita.
- Kita juga terdedah kepada bahaya ketika terlalu

leka dan tidak sadar akan kehadiran Iblis dengan tipu muslihatnya dalam peperangan rohani kita. Semua orang percaya terlibat dalam peperangan rohani.

- Kita boleh “memperbaharui fikiran” dengan mempelajari prinsip-prinsip Alkitab (Roma 12:2).
- Kita boleh mengelakkan diri daripada situasi yang boleh menggoda ataupun menghalang diri daripada mencuba perkara yang tampak tidak berbahaya: “Jangan biar sesiapa pun di kalangan kamu menjadi tukang tenung, atau mencari petanda, atau menggunakan jampi atau ilmu sihir, atau mengadakan hubungan dengan roh orang mati” (Ulangan 18:10-11).
- Kita harus melihat sama ada sumber yang dikatakan benar (seperti papan Ouija, kad daun terup, permainan computer, rancangan TV dan wayang) berasal daripada Allah ataupun tidak: “Tetapi ujilah mereka untuk mengetahui sama ada roh yang ada pada mereka itu berasal daripada Allah atau tidak” (1 Yohanes 4:1).
- Kita boleh gunakan kata-kata malaikat Mikhael: “Tuhan menengking kamu” apabila cubaan datang.

Ketika kita berlari di dalam perlumbaan Kristian ini dengan bersungguh-sungguh, kita tidak mempunyai masa untuk melayan Iblis dan dunianya. Penulis kitab Ibrani memberitahu kita, “Oleh itu, marilah kita buang segala halangan yang menghalang kita dan dosa yang berpaut pada kita. Marilah kita tempuh perlumbaan di hadapan

kita dengan tekun. Hendaklah pandangan kita tertumpu kepada Yesus, kerana iman kita bergantung kepada-Nya dari permulaan sehingga akhir. Yesus tidak putus asa, walaupun Dia harus mati pada kayu salib. Sebaliknya, kerana kegembiraan yang menanti-Nya, Yesus tidak peduli bahawa mati pada kayu salib adalah suatu hal yang memalukan. Sekarang Dia duduk di sebelah kanan takhta Allah” (Ibrani 12:1-2). Dengan itu, kita akan memiliki pandangan yang tepat tentang malaikat-malaikat dan juga roh-roh lain.

Billy Graham dalam bukunya, *“Angels All Around”* menyimpulkan,

“Malaikat-malaikat memberitahu tentang kasih Allah yang besar, memenuhi keperluan orang yang terdesak; kemudian mereka pergi. Malaikat-malaikat tidak pernah menarik perhatian kepada diri mereka, tetapi memberikan semua kemuliaan kepada Allah serta menyampaikan mesej-Nya kepada orang yang mendengar dalam bentuk kata-kata yang meyakinkan. Mereka bekerja keras dalam menjauhkan waris-waris penyelamatan daripada muslihat kejahatan.”

Soalan Untuk Perbincangan

1. Apa yang digambarkan oleh media tentang malaikat? (contohnya gambar malaikat di kad-kad ucapan, malaikat pelindung yang bersayap dsbnya.)
2. Apakah sifat-sifat malaikat yang telah anda pelajari? Kemudian bandingkan dengan apa yang telah digambarkan oleh media tentang malaikat.
3. Apakah kegiatan malaikat?
4. Apa yang dikatakan oleh Alkitab tentang malaikat Mikhael dan Gabriel?


5. Apa nama lain bagi Syaitan, malaikat Allah yang telah jatuh itu? Apakah erti bagi nama-namanya itu?

6. Nyatakan 4 kebenaran alkitabiah tentang Syaitan.

7. Bagaimana anda dapat terangkan pernyataan “Kita boleh mengelak daripada melihat Iblis sebagai punca kepada setiap perkara tidak baik yang berlaku dengan menyelidiki tanggungjawab serta pilihan tindakan kita”?

8. Adakah anda bergumul dalam perlumbaan anda sebagai seorang Kristian, terutama sekali tentang mempertahankan diri anda melawan Syaitan? Adakah fikiran anda perlu diperbaharui (Roma 12:2)? Adakah godaan tertentu yang anda harus elakkan? Bagaimana anda dapat memperingatkan diri anda tentang kemenangan Kristus?

9. Alkitab mengatakan kita harus mempertahankan diri daripada tipu muslihat Iblis dengan memakai seluruh perlengkapan senjata daripada Allah. Berdasarkan Efesus 6:10-17, lengkapkan perlengkapan tersebut:



NOTA
